



a n g k a s a

# GARIS PANDUAN LAPORAN ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH (AKKS) 2018

---

## 1. PENGENALAN

Garis panduan laporan AKKS 2018 ini disediakan sebagai panduan kepada pihak pengurusan koperasi sekolah untuk melaporkan **pentadbiran dan pengurusan koperasi, kewangan, menganjurkan kepelbagaian aktiviti-aktiviti koperasi, pembangunan perniagaan dan sambutan HKS/Jubli Emas Ke-50 Tahun Penubuhan Koperasi Sekolah (mikro)** dengan lebih mudah dan teratur.

Laporan AKKS 2018 telah dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu :

- *Bahagian A – Laporan Tahunan Koperasi Sekolah 2017 (25%)*
- *Bahagian B – Aktiviti Perniagaan Koperasi (15%)*
- *Bahagian C – Aktiviti-Aktiviti Koperasi (30%)*
- *Bahagian D – Sumbangan Tabungan (10%)*
- *Bahagian E – Penglibatan Warga Sekolah (7%)*
- *Bahagian F – Pengurusan Fail Kelab Koperasi Sekolah (7%)*
- *Bahagian G – Produk/Projek Khas Koperasi (6%)*

## 2. PENYERTAAN

Terbuka kepada semua Koperasi Sekolah di Malaysia sahaja. (Koperasi Sekolah yang bukan ahli ANGKASA hendaklah melampirkan borang permohonan menjadi ahli ANGKASA bersama – sama Borang Laporan AKKS 2018. (UIPB– AKKS/18)

### 1. TARIKH DAN TEMA AKKS

3.1 Tarikh pelaksanaan : **1 September 2017 – 30 Ogos 2018 (Khamis)**

3.2 Tarikh Akhir Menghantar Laporan : **10 September 2018 (Isnin)**

3.3 Tarikh mini penilaian Laporan :  
**11 September 2018 – 21 September 2018 (ANGKASA)**

3.4 Tarikh separuh akhir penilaian Laporan :  
**24 September - 5 Oktober 2018 (Jawatankuasa Teknikal Koperasi Sekolah)**

3.5 Tarikh Lawatan koperasi terbaik berdasarkan Laporan (Cadangan) :  
**15-17 Oktober 2018 (Jawatankuasa BPKPK)**

3.6 Tarikh Peringkat Kebangsaan (Cadangan) :

**23 - 25 Oktober 2018 ( Negeri tuan rumah belum ditentukan lagi)**

# Nota : Perubahan tarikh adalah bergantung kepada perubahan dari semasa ke semasa

Tema AKKS 2018 ialah "**Koperasi Pemangkin Kecemerlangan Sekolah**"

**4. BAHAGIAN A – LAPORAN TAHUNAN KOPERASI SEKOLAH 2017 (Markah 25%)**

**4.1 Laporan Tahunan Koperasi 2017 (10%)**

Bahagian ini melibatkan Laporan Tahunan Koperasi 2017. Penilaian adalah berdasarkan isi kandungan laporan tersebut.

Pihak koperasi perlu menyediakan Laporan Kewangan Koperasi teraudit bagi tahun 2017. Pemberian markah adalah berdasarkan **format** dan **jumlah perolehan tahunan** koperasi setelah diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau mana-mana juruaudit yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil (UUK) koperasi sekolah.

**4.2 Mesyuarat dan Laporan (5%)**

Penilaian adalah berdasarkan perkara-perkara berikut :

a) Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi (MAT)

Mesyuarat agung tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan **tidak lewat daripada enam bulan** selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh SKM. Pemberian markah juga berdasarkan subseksyen tersebut kecuali atas sebab-sebab tertentu yang diluluskan oleh SKM untuk menunda tarikh MAT ke satu tempoh yang lain. MAT ini perlu disertakan dengan **bukti minit mesyuarat** yang telah disahkan.

b) Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

Mesyuarat Anggota Lembaga hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **empat (4) kali dalam tempoh setahun** mengikut Akta koperasi. Oleh itu, pemarkahan adalah berdasarkan jumlah mesyuarat ALK sepanjang tempoh tersebut disertakan dengan **bukti minit mesyuarat** yang telah disahkan.

c) Laporan Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

Sepanjang tempoh setahun koperasi beroperasi menjalankan aktiviti perniagaan, ALK hendaklah mengemukakan **satu laporan (ringkas)** untuk menjelaskan lebih terperinci aktiviti-aktiviti pembangunan perniagaan yang telah dijalankan di bawah seliaan ALK tersebut iaitu mengikut pengagihan tugas yang telah ditetapkan di dalam UUK. Pemarkahan juga adalah berdasarkan laporan tersebut. Laporan tersebut boleh

diambil di dalam cabutan minit mesyuarat ALK. *Cth* : 1. *Pembentangan laporan aktiviti perniagaan kiosk koperasi sekolah.* 2. *Pembentangan laporan kewangan koperasi pada bulan april 2017 dan lain-lain.*

#### **4.3 Perhimpunan Hari Koperasi Sekolah (HKS) Dan Sambutan Jubli Emas Ke – 50 Tahun Penubuhan Koperasi Sekolah (10%) secara MIKRO**

Perhimpunan ini boleh dilakukan semasa perhimpunan mingguan atau bulanan sekolah sepanjang tempoh yang telah ditetapkan secara bersekali/bersama. Setiap aktiviti yang dilakukan semasa perhimpunan ini **wajib disertakan gambar, senarai AJK yang terlibat, kos aktiviti, tarikh, tempat dan impak** daripada sambutan tersebut secara ringkas dan mudah difahami. Pemarkahan adalah berdasarkan perkara berikut:

##### **a. Perhimpunan Khas**

- Koperasi sekolah hendaklah mengumpul kesemua pelajar dalam satu perhimpunan khas, samada di dalam perhimpunan mingguan atau bulanan sekolah.
- Pengetua atau Pengerusi Koperasi atau ALK akan memaklumkan tentang perhimpunan serta tujuan diadakan; (Maklumat lanjut tentang AKKS boleh dimuat turun dari laman web ANGKASA; [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop))
- Pengetua atau Pengerusi Koperasi atau ALK hendaklah menerangkan kepentingan koperasi di sekolah dan perkembangan terkini serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di koperasi sekolah ;
- **Lagu Semangat Koperasi** (lagu rasmi koperasi) dari ANGKASA hendaklah dimainkan semasa perhimpunan tersebut. (Lagu ini boleh dimuat turun dari laman web ANGKASA; [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop))
- Perutusan daripada YB Menteri Pendidikan Malaysia; YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; dan Presiden ANGKASA hendaklah **dibaca oleh pelajar bagi setiap ucapan** semasa perhimpunan. Ketiga-tiga perutusan boleh dimuat turun dari laman web ANGKASA; [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop))

##### **b. Aktiviti Tambahan Semasa Perhimpunan Khas**

Pihak koperasi sekolah juga boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti tambahan seperti berikut semasa majlis perhimpunan diadakan.

- **Pengiktirafan koperator terbaik koperasi sekolah**  
Pihak koperasi bolehlah memberi pengiktirafan kepada mana-mana koperator yang telah menunjukkan kecemerlangan sepanjang penglibatan mereka dalam koperasi. **Antara pengiktirafan yang boleh diberikan ialah Anggota Lembaga Koperasi Terbaik di kalangan guru dan pelajar serta Koperator Terbanyak Berlanggan di kedai koperasi.** Koperasi sekolah bolehlah menyediakan hadiah-hadiah untuk tujuan tersebut jika berkemampuan.

- **Aktiviti Tambahan – Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**

Secara umumnya, tanggungjawab sosial korporat membawa maksud sebarang komitmen atau pernyataan oleh koperasi mengikut pertimbangan peniagaan dan sumbangan dari sumber korporat dalam komuniti atau masyarakat yang bertujuan ke arah meningkatkan kesejahteraan masyarakat di sekitar peniagaan atau perusahaan. Antara tanggungjawab sosial yang perlu dijalankan termasuklah menitikberatkan kesihatan masyarakat, keselamatan, pendidikan, pekerjaan, alam sekitar, dan pembangunan ekonomi dan masyarakat.

Aktiviti ini menggalakkan pelajar menyemai nilai-nilai baik kepada komuniti setempat sesuai dengan Prinsip Koperasi yang ke tujuh. **Pemarkahan akan dinilai berdasarkan bukti bergambar semasa aktiviti tersebut berlangsung.**

#### **5. BAHAGIAN B – AKTIVITI-AKTIVITI PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH** **(Markah 15%)**

Bahagian ini melibatkan aktiviti-aktiviti perniagaan koperasi yang dijalankan sepanjang tahun iaitu sejak ditubuhkan sehingga kini. Aktiviti-aktiviti perniagaan ini boleh menjana pendapatan kepada koperasi untuk meningkatkan perolehan dan keuntungan koperasi serta memberi perkhidmatan kepada anggota koperasi keseluruhannya. **Penilaian adalah berdasarkan kepelbagaian aktiviti-aktiviti perniagaan berdasarkan bukti bergambar (4 gambar bagi setiap aktiviti), keterangan ringkas aktiviti perniagaan, jumlah jualan aktiviti perniagaan teraudit 2017 bagi setiap perniagaan dan jumlah keuntungan/kerugian perniagaan teraudit 2017 bagi setiap perniagaan.**

#### **6. BAHAGIAN C – AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN KOPERASI** **(Markah 30%)**

Bahagian ini melibatkan aktiviti-aktiviti koperasi yang bermula dari 1 September 2017 sehingga 30 Ogos 2018. Aktiviti-aktiviti ini terdiri daripada tiga aspek iaitu aktiviti pendidikan, aktiviti ekonomi dan aktiviti sosial/budaya. **Penilaian adalah berdasarkan kepelbagaian aktiviti berdasarkan bukti bergambar, senarai AJK, kos aktiviti, tarikh, tempat dan impak daripada setiap aktiviti tersebut secara ringkas dan mudah difahami.**

Koperasi sekolah hendaklah melaksanakan kesemua aktiviti-aktiviti tersebut. Pemberian markah berdasarkan kepada bilangan aktiviti yang dijalankan. Jika koperasi sekolah menjalankan **lebih daripada lima** aktiviti bagi setiap aspek tersebut, tambahan markah akan diberikan. Maksimum setiap gambar aktiviti adalah empat (4) keping sahaja di dalam sehelai kertas A4. Kesemua aktiviti yang dijalankan hendaklah

mengikuti kreativiti dan inovasi pihak sekolah dan sebagai Badan Penilai, **ANGKASA tidak akan terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.**

Koperasi sekolah digalakkan untuk melibatkan seberapa banyak agensi samada agensi kerajaan, swasta atau badan-badan NGO sebagai salah satu usaha mewujudkan aktiviti interaksi koperasi sekolah dengan masyarakat. Di antara contoh-contoh aktiviti adalah seperti berikut;

**a. Aktiviti Pendidikan (10%)**

Contoh Aktiviti :

- Ceramah Koperasi;
- Seminar Koperasi;
- Bengkel koperasi;
- Kuiz koperasi, dan
- Lain-lain berdasarkan kreativiti koperasi.

**b. Aktiviti Ekonomi/ Keusahawanan (10%)**

Contoh Aktiviti :

- Karnival Koperasi;
- Jualan barangan terpakai atau barangan kitar semula;
- Bazar Koperasi;
- 'Car-Boot' Sale;
- Lain-lain berdasarkan kreativiti koperasi

**c. Aktiviti Sosial dan Budaya (10%)**

. Contoh Aktiviti :

- Gotong royong;
- Khidmat masyarakat;
- Lawatan ke rumah anak yatim, dan
- Lain-lain berdasarkan kreativiti koperasi.

**7. BAHAGIAN D – SUMBANGAN TABUNGAN (Markah 10%)**

**7.1 Sumbangan Tabungan Koperasi**

Koperasi sekolah hendaklah mewujudkan tabungan mengikut UUK koperasi. Kewujudan tabung-tabung ini adalah untuk kegunaan aktiviti-aktiviti sekolah dan dipulangkan semula kepada anggota-anggota koperasi sekolah. Pemberian markah berdasarkan kepada jumlah tabung yang telah diwujudkan. Jika koperasi sekolah menjalankan lebih daripada **lima tabung**, tambahan markah akan diberikan. Setiap sumbangan tabungan ini perlu disertakan **bukti bergambar, tarikh, jumlah sumbangan, impak dan diberi kepada siapa dengan secara ringkas dan mudah difahami.**

**8. BAHAGIAN E : PENGLIBATAN WARGA SEKOLAH (7%)**

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada peglibatan warga sekolah di dalam koperasi. Permakahan akan mengambil kira pekara-pekerja berikut :

- a. Bilangan dan peratus keanggotaan guru dan murid. – ditunjuk dalam bentuk statistik.
- b. Penglibatan guru-guru koperasi di dalam aktiviti yang melibatkan koperasi sekolah - perlu disertakan bukti bergambar dan keterangan.
- c. Penglibatan pelajar dalam mesyuarat agung tahunan koperasi sekolah. - perlu disertakan bukti bergambar dan keterangan.
- d. Penglibatan Pengerusi Koperasi dalam menghadiri program anjuran ANGKASA – perlu disertakan bukti sijil penyertaan.
- e. Penglibatan salah seorang wakil ALK Guru dalam menghadiri program anjuran ANGKASA – perlu disertakan bukti bergambar dan sijil penyertaan
- f. Penglibatan salah seorang wakil ALK Pelajar dalam menghadiri program anjuran ANGKASA – perlu disertakan bukti bergambar dan sijil penyertaan.
- g. Anugerah koperasi yang telah diterima daripada mana-mana agensi yang bermula dari 1 September 2016 sehingga 31 Ogos 2017 – perlu disertakan dengan bukti sijil.

#### **9. BAHAGIAN F : PENGURUSAN FAIL KELAB KOPERASI SEKOLAH (7%)**

Bahagian ini akan menilai aspek pengurusan fail yang dikhususkan kepada penubuhan kelab koperasi sekolah. Penilaian akan mengambil kira aspek seperti berikut:

- a. Carta Organisasi
- b. Notis mesyuarat jawatankuasa dan Minit Mesyuarat
- c. Senarai jawatankuasa dan keahlian
- d. Senarai kehadiran dan rekod penglibatan ahli
- e. Takwim dan perancangan tahunan.
- f. Rekod kewangan
- g. Laporan aktiviti tahunan dan mingguan

***Nota : Semua aspek di atas perlu disahkan oleh pengerusi koperasi (tiada pengesahan boleh mengurangkan markah)***

#### **10. BAHAGIAN G : PRODUK KOPERASI (5%)**

Koperasi sekolah hendaklah menghasilkan produk koperasi yang boleh dibangun, dikembang dan dipasarkan bagi tujuan meningkatkan pendapatan koperasi sekolah. Lebih banyak produk koperasi yang dijalankan lebih baik markah penilaian. Penilaian ini akan mengambil kira pekara-pekerja seperti berikut:

- a. Gambar produk – 4 bukti bergambar perlu disertakan
- b. Penyata akaun produk – setiap satu produk koperasi perlu disertakan dengan penyata akaun produk berkenaan (*cth : Jumlah modal, perolehan kasar, keuntungan dan lain-lain yang boleh dijelaskan*)
- c. Impak produk kepada koperasi, warga sekolah dan komuniti

#### **11. BORANG PENGESAHAN LAPORAN AKKS 2018 DAN KEPELBAGAIAN GAMBAR**

Bagi tujuan penyelarasan dan penilaian, pihak koperasi sekolah hendaklah menghantar:

### 11.1 Borang Laporan AKKS 2018 (UIPB – AKKS/18)

Borang Laporan AKKS ini hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar ke ANGKASA (Ibu Pejabat) pada atau **sebelum 10 September 2018 (Isnin)** dimasukkan di muka surat hadapan sekali bersama-sama dengan Laporan AKKS. Sila Rujuk Panduan Penyediaan Laporan. Koperasi sekolah perlu membuat sekurang-kurangnya satu (1) salinan laporan untuk simpanan koperasi sekolah.

Borang ini bolehlah dimuat turun dari laman web ANGKASA; [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop).

**NOTA :** *Semua gambar yang dimasukkan di dalam laporan perlu sertakan dengan salinan CD (Cakera Padat) **atau** jika ada video boleh juga dimasukkan ke dalam DVD **atau** apa sahaja pengisian yang mudah untuk dirujuk.*

## 12. PENILAIAN LAPORAN AKKS

Penilaian akan dinilai berdasarkan format yang terkandung di Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E, Bahagian F dan Bahagian G . Penilaian juga akan dinilai berdasarkan kepada kualiti persembahan laporan, bilangan aktiviti yang dijalankan, sumbangan koperasi, penglibatan anggota dan koperasi dalam jaringan kerjasama dengan komuniti setempat dan lain-lain lagi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilai.

*ANGKASA akan memilih sebanyak **30 peratus** koperasi sekolah mengikut laporan terbaik bagi setiap negeri untuk dinilai diperingkat Jawatankuasa Teknikal. Jawatankuasa Teknikal pula akan memilih sebanyak **5 buah** koperasi sekolah terbaik mengikut setiap negeri untuk dipilih ke peringkat separuh akhir. Lawatan penilaian ke koperasi sekolah secara mengejut akan dibuat oleh penilai untuk memilih **10 koperasi** terbaik untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan.*

**(Nota : Perubahan peratus dan bilangan koperasi yang dipilih akan berubah mengikut ketetapan penilai dari semasa ke semasa.**

Jawatankuasa Penilai adalah terdiri daripada:

- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Maktab Koperasi Malaysia (MKM)

Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilai adalah muktamad.

## 13. LAWATAN WAKIL KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI

Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan dan Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri dan lain-lain agensi boleh membuat lawatan ke koperasi-koperasi sekolah pada bila-bila masa. Lawatan yang diadakan adalah bertujuan untuk meraikan sambutan yang dilaksanakan oleh pihak koperasi sekolah dan ianya **bukan bertujuan untuk membuat penilaian** ke atas AKKS 2018 yang diadakan.

#### 14. PERTANYAAN

Sebarang bentuk pertanyaan yang berkaitan dengan AKKS 2017 bolehlah diutarakan kepada Unit Institusi Pendidikan dan Belia (UIPB) di talian telefon : 03-7884 6510 / 03-78008176/, Faks: 03-7806 1506

#### 15. PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN AKKS 2018

Koperasi sekolah bolehlah melibatkan masyarakat luar dalam AKKS 2018 sepanjang tahun bagi mewartakan kepada koperasi di sekolah dan aktiviti – aktiviti yang dijalankan. Antara pihak – pihak yang boleh dilibatkan adalah :

- Koperasi Sekolah berdekatan
- Koperasi Dewasa
- Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG)
- Masyarakat setempat
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jabatan Pendidikan Negeri
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
- Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Dan lain – lain

#### 16. PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN

16.1 Penyediaan laporan hendaklah mengikut format Borang Laporan AKKS (UIPB -AKKS/18).

16.2 Penyediaan laporan hendaklah **tidak kurang daripada 20 muka surat dan tidak melebihi 200 muka surat (termasuk gambar). Laporan**

***NOTA : Penyata Kewangan dan salinan minit-minit mesyuarat tidak dikira dalam bilangan mukasurat.***

16.3 Maksimum empat (4) gambar terhad untuk satu (1) aktiviti sahaja.

16.4 Satu muka surat bersaiz A4 terhad untuk maksimum empat (4) gambar sahaja (1 aktiviti).



- 16.5 Setiap gambar perlu dinyatakan **secara ringkas** dan **mudah difahami** mengikut keperluan bahagian-bahagian yang telah dinyatakan.
- 16.6 **TIDAK PERLU** melampirkan risalah, pamflet atau bahan-bahan bercetak daripada agensi luar. Sebagai contoh risalah pencegahan jenayah, derma darah, promosi, peraturan, syarat-syarat dan sebagainya.
- 16.7 **TIDAK PERLU** dilampirkan bahan-bahan atau maklumat yang telah diberikan oleh ANGKASA kepada koperasi sekolah seperti;  
i. Garis Panduan AKKS 2018
- 16.8 **TIDAK PERLU** menghantar album bergambar sebagai laporan.
- 16.9 Format penyediaan laporan perlu mengikut **font Arial 10-12**.
- 16.10 Semua gambar yang dimasukkan di dalam laporan perlu sertakan dengan salinan CD (Cakera Padat) **atau** jika ada video boleh juga dimasukkan ke dalam DVD **atau** apa sahaja pengisian yang mudah untuk dirujuk.
- 16.11 Laporan yang kemas dan lengkap hendaklah diserahkan kepada pihak **Ibu Pejabat ANGKASA, Kelana Jaya, Selangor** seperti alamat di bawah pada atau **sebelum 10 September 2018 (Isnin) Jam 4.30 petang**. Laporan yang dihantar selepas daripada tarikh dan masa di atas tidak akan diterima.

## 17. HADIAH PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2018

Pemenang peringkat negeri dan kebangsaan akan dipilih oleh Jawatankuasa Penilai berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Bilangan pemenang bagi setiap peringkat akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dengan melihat jumlah penyertaan setelah tamat tarikh tutup menghantar laporan.

Hadiah akan diberikan kepada bilangan koperasi di peringkat negeri dan kebangsaan.

## 18. KATEGORI HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN AKKS 2018

Kategori Hadiah Peringkat Kebangsaan AKKS 2018 adalah seperti berikut :

- a) Koperasi Sekolah Terbaik
- b) Pengerusi Koperasi Terbaik
- c) Guru Pembimbing Koperasi Terbaik
- d) Koperator Koperasi Terbaik
- e) Pembentang Terbaik

Anugerah Khas juga akan disampaikan semasa peringkat kebangsaan. Anugerah khas ini akan dimaklumkan semasa majlis berlangsung.

## 19. HAL-HAL LAIN

Sijil Penyertaan AKKS 2018 akan kepada koperasi sekolah yang telah menghantar Laporan AKKS 2018. Tiada sumbangan saguhati berbentuk kewangan diberikan kepada koperasi sekolah yang menghantar laporan. Harap Maklum.

**FALSAFAH KOPERASI : BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA**

Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD  
WISMA UNGKU A. AZIZ,  
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA,  
47301 PETALING JAYA,  
SELANGOR DARUL EHSAN  
(U/P: Unit Institusi Pendidikan, Bahagian Pembangunan, Kepimpinan  
Dan Modal Insan Koperasi dan Sektor Pembangunan Komuniti, ANGKASA)**

No. Telefon: 03-7884 6510 /03-78008176

No. Faks: 03-7806 1506

[www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)

**Email** : institusipendidikan.angkasa@gmail.com

# **SUSUNAN PENYEDIAAN LAPORAN AKKS 2018**

## **# BORANG LAPORAN AKKS 2018 (UIPB-AKKS/18)**

### **BAHAGIAN A – LAPORAN TAHUNAN KOPERASI 2017 (25%)**

1. Laporan Kewangan Teraudit 2017 (Disahkan oleh SKM)
2. Mesyuarat dan Laporan(bukti minit mesyuarat)
  - 2.1 Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)
  - 2.2 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)
  - 2.3 Laporan Lembaga (bukti dalam Laporan Tahunan-1 laporan ringkas sahaja)
3. Perhimpunan HKS (Bukti Gambar, AJK, Kos, Tarikh, Tempat Dan Impak)
  - 3.1 Perhimpunan khas
  - 3.2 Pembacaan perutusan-Menteri Pendidikan Malaysia -dibaca oleh pelajar
  - 3.3 Pembacaan perutusan-Menteri KPDKK- dibaca oleh pelajar
  - 3.4 Pembacaan perutusan-Presiden ANGKASA – dibaca oleh pelajar
  - 3.5 Nyanyian Lagu Semangat Koperasi - (nyanyian beramai)
  - 3.6 Pengiktirafan KoperatorTerbaik (murid)
  - 3.7 Pengiktirafan Guru PembimbingTerbaik
  - 3.8 Koperator terbanyak langganan
  - 3.9 Aktiviti Tambahan - CSR

### **BAHAGIAN B – AKTIVITI-AKTIVITI PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH (15%)**

1. Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Koperasi (Bukti Bergambar,Keterangan Ringkas, Jumlah Jualan, Jumlah Keuntungan/Kerugian – Rujuk Penyata Kewangan 2017.

### **BAHAGIAN C – AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN KOPERASI (30%)**

2. Aktiviti Pendidikan (Bukti Gambar, AJK, Kos, Tarikh, Tempat Dan Impak)
3. Aktiviti Ekonomi (Bukti Gambar, AJK, Kos, Tarikh, Tempat Dan Impak)
4. Aktiviti Sosial dan Budaya (Bukti Gambar, AJK, Kos, Tarikh, Tempat Dan Impak)

### **BAHAGIAN D – SUMBANGAN TABUNGAN (10%)**

1. Sumbangan Tabungan Koperasi (Bukti Bergambar, Tarikh, Jumlah Sumbangan, Impak, Penerima Sumbangan)

#### **BAHAGIAN E - PENGLIBATAN WARGA SEKOLAH (7%)**

- a. Bilangan dan peratus keanggotaan guru dan murid. – ditunjuk dalam bentuk statistik.
- b. Penglibatan guru-guru koperasi di dalam aktiviti yang melibatkan koperasi sekolah - perlu disertakan bukti bergambar dan keterangan ringkas.
- c. Penglibatan pelajar dalam mesyuarat agung tahunan koperasi sekolah. - perlu disertakan bukti bergambar dan keterangan ringkas.
- d. Penglibatan Pengerusi Koperasi dalam menghadiri program anjuran ANGKASA – perlu disertakan bukti sijil penyertaan.
- e. Penglibatan salah seorang wakil ALK Guru dalam menghadiri program anjuran ANGKASA – perlu disertakan bukti bergambar dan sijil penyertaan
- f. Penglibatan salah seorang wakil ALK Pelajar dalam menghadiri program anjuran ANGKASA – perlu disertakan bukti bergambar dan sijil penyertaan.
- g. Anugerah koperasi yang telah diterima daripada mana-mana agensi yang bermula dari 1 September 2016 sehingga 31 Ogos 2017 – perlu disertakan dengan bukti sijil.

#### **BAHAGIAN F : PENGURUSAN FAIL KELAB KOPERASI SEKOLAH (7%)**

1. Carta Organisasi
2. Notis mesyuarat jawatankuasa dan Minit Mesyuarat
3. Senarai jawatankuasa dan keahlian
4. Senarai kehadiran dan rekod penglibatan ahli
5. Takwim dan perancangan tahunan.
6. Rekod kewangan
7. Laporan aktiviti tahunan dan mingguan

#### **BAHAGIAN G : PRODUK KOPERASI (6%)**

1. Kemenjadian Produk
  - a. Gambar Projek : (1 projek 4 gambar beserta keterangan)
  - b. Penyata Akaun Projek (Pendapatan, perbelanjaan dan Untung rugi)
  - c. Impak (anggota, warga sekolah dan komuniti)

#### **LAMPIRAN**

### **Nota :**

- a) **Buku Laporan Penyata Kewangan Koperasi 2017, Minit-Minit Mesyuarat MAT, Mesyuarat Lembaga dan Laporan Lembaga serta lampiran tidak dikira sebagai muka surat.**

- b) Semua gambar yang dimasukkan di dalam laporan perlu sertakan dengan salinan CD (Cakera Padat) atau jika ada video boleh juga dimasukkan ke dalam DVD atau apa sahaja pengisian yang mudah untuk dirujuk.

**SENARAI KAKITANGAN  
UNIT PENDIDIKAN DAN BELIA, BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI,  
PELANCONGAN DAN KOPERASI, ANGKASA  
UNTUK DIHUBUNGI SEPERTI BERIKUT :**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO TEL BIMBIT</b>	<b>EMAIL</b>
1	En. Abu Bakar Bin Busmah	017-365 9484	<b>institusipendidikan. angkasa@gmail.com</b>
2	En. Hasbullah Hamdin	012-242 7233	
3	Pn. Norhayati Muhamad	019-283 0812	
4	Muhammad Hafifi Bin Hamdan	0 12-464 6231	
5	Pn. Aznadia Adenan	019-6053430	
6	En. Mohammad Noh Bin Mohammad Joha	013-771 2801	
7	En. Tajul Rosli Abd Hamid	010-279 4186	